

**Bahagian A**

**Soalan Struktur** :Markah penuh : 15 markah

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Markah bagi setiap soalan antara 3 hingga 4 markah.

<b>Kriteria</b>	<b>Markah</b>	<b>Catatan</b>
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (LOTS)
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS)
Huraian betul	+	
	1	

**Nota:**

1. Jika calon memberi dua jawapan dalam setiap jawapan (seperti adanya kata hubung 'dan' atau perkataan lain yang membawa erti adanya dua jawapan), maka jawapan calon yang pertama sahaja yang akan diperiksa dan diberi markah jika betul
2. Jika soalan menentukan bilangan jawapan, tetapi calon menambah bilangan jawapan, maka jawapan yang selebihnya itu tidak akan diperiksa.
3. Terminologi seperti nama organisasi, jika ditulis dalam bentuk singkatan boleh diterima sebagai jawapan. Contoh, ASEAN, APEC dan sebagainya.
4. Terminologi yang telah diterima pakai umum seperti K-ekonomi atau e-dagang, tidak perlu diberikan maksudnya dalam jawapan calon.

**Bahagian B****Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

Markah penuh : **20 markah**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Markah bagi satu soalan ialah 20 markah

**A. Tujuan Ujian**

Untuk menguji kebolehan calon mengalih bentuk komunikasi daripada bentuk linear kepada bentuk bukan linear

- |                    |   |            |
|--------------------|---|------------|
| Kemahiran terlibat | - | kefahaman  |
|                    | - | penggunaan |
|                    | - | analisis   |
|                    | - | Sintesis   |

**B Ciri jawapan**

1. Pengkelasan angkubah/pembolehubah (PA)
2. Kesesuaian teknik (KT)
3. Ketepatan isi (KI)
4. Kekemasan (KM)

**C Pemarkahan**

1. Perincian markah adalah seperti berikut:

Pengkelasan angkubah	:	6 markah
Kesesuaian teknik	:	6 markah
Ketepatan isi	:	6 markah
Kekemasan	:	<u>2 markah</u>
		<u>20 markah</u>

**PERINCIAN PEMARKAHAN BAHAGIAN B**

	PA	KT	KI	KM	JM (max)
1. Salah media					01(rujuk jadual)
2. Tiada/salah tajuk					
Tiada tahun / tempat di tajuk					
Tiada petunjuk / petunjuk di muka surat lain	3	3	3	2	11
Tiada %/unit di paksi / jumlah besar tiada label					
3. Salah % /unit di paksi/ jumlah besar/ label tidak lengkap	4	4	4	2	14
4. Sumber tidak lengkap	6	6	5	2	19
5. Tiada sumber	6	6	4	2	18
6. Warna sepenuhnya	6	6	6	2	20
7. Berlorek	6	4	6	1	17
8. Gabungan warna + lorek	6	3	6	1	16
9. Menggunakan abjad @ angka	6	1	6	1	14

**PEMARKAHAN JADUAL**

	Tajuk	Butiran	Sumber	JM
Jadual lengkap	2	2	1	5/20
Jadual tanpa tajuk / nilai/unit/label	0	0	0	0/20
Tajuk/unit/ nilai/label tidak lengkap	1	1	1	3/20
Ada tajuk tetapi salah	1	2	1	4/20

## Bahagian C

### Soalan Karangan :

Markah penuh : 25 markah

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan. Markah bagi **satu** soalan ialah **25 markah**.

A Pemberian markah karangan akan berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- |    |                          |   |                         |
|----|--------------------------|---|-------------------------|
| 1. | Isi atau Idea (I)        | : | [10] markah             |
| 2. | Hujah (H)                | : | [10] markah             |
| 3. | Kemahiran Kebahasaan (B) | : | [4] markah              |
| 4. | Format (F)*              | : | [1] markah              |
|    |                          |   | <b><u>25 markah</u></b> |

B Cara pemberian markah

1 Pemarkahan Bahasa [4]

1.1 Bagi 8 kesalahan ejaan atau tanda baca, potong 1 markah. Bagi 4 kesalahan struktur ayat, potong 1 markah dengan mengambil ingatan apa-apa kesalahan yang terdapat di dalamnya tidak diambilkira

1.2 Kesalahan yang sama dan diulang tidak dipotong markah, demikian juga ejaan yang sejenis.

Contoh ejaan yang sejenis :

Batuk,patuk - ini dikira sejenis

Suluh,buluh - ini dikira sejenis

1.3 1 markah minimum diberi untuk markah bahasa dan juga bagi jawapan yang terdiri daripada satu ayat bagi setiap perenggan.

1.4 Keganjangan karangan

1.4.1 Karangan hendaklah tidak melebihi **400** patah perkataan. Karangan yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

1.4.2 Markah maksimum untuk bahasa berdasarkan kepada keganjangan karangan adalah seperti berikut:

Lebih daripada 250 patah perkataan	:	4 markah
151 hingga 250 patah perkataan	:	3 markah
101 hingga 150 patah perkataan	:	2 markah
Kurang daripada 100 patah perkataan	:	1 markah

- 1.5 Mencatat kesalahan bahasa dan markah.
- 1.5.1 Catat kesalahan bahasa di ruang kiri skrip jawapan. Setiap satu kesalahan dicatat dengan angka 1
- 1.5.2 Kesalahan struktur ayat ditandai dengan cara: ( / ) – tandakan S di ruang kiri skrip
- 1.5.2 Kesalahan bahasa kali pertama bagi tatabahasa, ejaan, tanda baca ditandai dengan cara ( o ) Kesalahan yang sama tidak dikira dan ditandai dengan cara ( / )
- 1.5.3 Tidak relevan (TR), tidak jelas (TJ)
- 2 Karangan yang tidak langsung membincangkan tajuk beri markah 1 (1/25)
- 3 Perhatikan bahawa markah tidak diberi untuk butiran yang diulang-ulang.
- 4 Ada kalanya, anda akan bertemu dengan karangan yang dari awal lagi sudah menyeleweng tetapi kemudian pada bahagian akhirnya barulah terdapat butir-butir yang jitu. Oleh sebab itu, anda hendaklah membaca seluruh karangan itu walapun separuh daripadanya menyeleweng, supaya kita dapat berlaku adil terhadap calon. Anda juga akan bertemu dengan karangan yang pada mulanya menjawab dengan jitu tetapi kemudiannya menyeleweng daripada tajuk. Dalam hal ini, berilah markah kepada yang jitu sahaja.
- 5 Calon layak diberi markah format (1 markah) jika jawapannya sempurna dari segi format penulisan karangan iaitu ada bahagian pengenalan, isi dan penutup.
- 6 Mencatat pemberian markah karangan
- 6.1 Catat markah pada ruang kanan skrip (sebelah atas). Jumlah markah akhir setiap jawapan perlu diletakkan dalam bulatan.
- 6.2 Tandakan I – Idea , H – Huraian , B – Bahasa , F – Format
- 6.3 Tuliskan perkataan “Menyeleweng” di bahagian akhir karangan sekiranya karangan itu menyeleweng.

**PERINGATAN :**

Calon dikehendaki menjawab **satu** daripada dua soalan dalam **Bahagian C**. Sekiranya calon menjawab kedua-dua soalan, hanya soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.

1. Nyatakan **tiga** cabaran Rukun Negara [3m]
- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....

Bil	Idea
1	Masyarakat yang mementingkan diri sendiri
2	Rakyat kurang mengamalkan ajaran agama
3	Masyarakat mempersoalkan kedudukan dan kuasa Raja-Raja
4	Masyarakat yang mengambil kesempatan kebebasan bersuara untuk mempersoalkan isu sensitif
5	Masyarakat menyalahgunakan teknologi dan media sosial
6	Masyarakat sering mengkritik usaha kerajaan
7	Masyarakat sering melakukan jenayah

Pilih mana-mana 3 idea

2. Jelaskan **dua** strategi yang diberi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) 2011 – 2015 bagi memastikan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi dan dapat bersaing di peringkat global. [4m]
- (a) .....
- .....
- (b) .....
- .....

[4]

Bil	Idea	Huraian
1	Membangun kawasan kediaman yang berdaya maju dan menarik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempengaruhi bentuk dan ciri kawasan yang boleh menjadikannya tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beribadah</li> </ul>
2	Membangun sistem pengangkutan awam yang mengutamakan rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menstruktur semula sektor pengangkutan awam</li> <li>Memastikan pelaburan berterusan supaya pengangkutan awam menjadi pilihan utama</li> </ul>
3	Mentransformasi penjagaan kesihatan untuk mempertingkatkan kualiti dan akses sejagat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menstruktur semula sistem penyampaian penjagaan kesihatan</li> <li>Beralih kepada strategi yang menekankan rawatan kepada pencegahan penyakit dan gaya hidup sihat</li> </ul>
4	Memastikan akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memenuhi keperluan penduduk yang meningkat dengan memadankan penawaran dan permintaan rumah mampu milik</li> <li>Menggalakkan industri yang lebih cekap dan mapan</li> </ul>
5	Menyediakan utiliti dan perkhidmatan awam yang lebih cekap	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan kecekapan dan produktiviti dalam penyediaan perkhidmatan bekalan air dan sistem pembentungan, bekalan elektrik dan jalur lebar</li> <li>Memperkuh dan meningkatkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam</li> </ul>
6	Menjadikan jalan dan masyarakat yang selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan jenayah dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan rakyat</li> </ul>
7	Menghargai alam sekitar khazanah negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan rakyat berperanan mengurus dengan berhemat</li> <li>Memulihkan sumber sedia ada untuk generasi akan datang</li> </ul>

Mana-mana 2 idea/isi (Idea – 1 markah + Huraian – 1 markah)

3. Nyatakan **empat** nilai asas dalam Hak Asasi Manusia di Malaysia. [4m]
- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....
- (d) .....

Bil	Idea/Isi
1.	Hormat
2.	Kebebasan
3.	Integriti
4.	Perhubungan
5.	Kecekapan
6.	Keterbukaan
7.	Pembangunan kapasiti

Pilih mana-mana 4 idea

4. Huraikan **dua** kepentingan tenaga elektrik kepada negara [4m]

- (a) .....
- .....
- (b) .....
- .....

Bil	Idea/Isi	Huraian
1.	Penggunaan domestik/ kegiatan rumah tangga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencahayaan rumah</li> <li>• Mengoperasikan alat-alat elektrik</li> </ul>
2.	Penggunaan di sektor industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggerakkan mesin-mesin</li> <li>• Urusan pentadbiran industri</li> </ul>
3.	Penggunaan untuk kelancaran lalu lintas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengoperasikan lampu isyarat</li> </ul>
4.	Penggunaan di sektor perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melicinkan urusan pejabat</li> <li>• Melancarkan urusan niaga</li> </ul>

Mana-mana 2 idea/isi (Idea – 1 markah + Huraian – 1 markah)

### Bahagian B [20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan warga emas di Malaysia mengikut jantina dan kumpulan umur dari tahun 2000 hingga tahun 2040 (unjuran).

Warga emas merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam United Nations World Assembly on Ageing di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara ASEAN. Mengikut unjuran PBB (2009), Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk. Ini bermakna Malaysia akan menjadi negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk dengan pengubalan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995.

Bilangan warga emas di Malaysia pada tahun 2000 ialah sebanyak 1398.4 ribu orang dan diunjur meningkat 350.17% kepada 6295.2 ribu orang pada tahun 2040. Daripada jumlah tersebut, bilangan warga emas perempuan sentiasa melebihi bilangan warga emas lelaki.

Bagi kumpulan umur warga emas 60 hingga 74 tahun, bilangan warga emas lelaki pada tahun 2000 ialah 546.9 ribu orang, diunjurkan meningkat sebanyak 295.76% pada tahun 2040. Bilangan warga emas perempuan pula diunjur meningkat daripada 574.3 ribu orang kepada 2338.5 ribu orang. Dalam kumpulan umur ini, bilangan warga emas lelaki pada tahun 2010 ialah 887.9 ribu orang, seterusnya diunjur sebanyak 1337.9 ribu orang dan 1795.1 ribu orang pada tahun 2020 dan 2030. Bilangan warga emas perempuan dalam kumpulan umur yang sama ialah sebanyak 882.9 ribu orang pada tahun 2010, diunjur berjumlah 1369.6 ribu orang pada tahun 2020 dan 1925.7 ribu orang dan 2030.

Bagi kumpulan umur 75 tahun ke atas, bilangan warga emas lelaki pada tahun 2000 dan 2010 ialah 122.3 ribu orang dan 216.8 ribu orang. Bilangan warga emas perempuan pada tahun 2000 ialah 154.9 ribu orang, manakala pada tahun 2010 bilangannya kurang sebanyak 621.9 ribu orang berbanding dengan kumpulan umur 60 hingga 74 tahun. Pada tahun-tahun unjuran 2020, 2030 dan 2040, bilangan warga emas lelaki ialah 336.6 ribu orang, 530.7 ribu orang dan 782.3 ribu orang. Bilangan warga emas perempuan pada tahun-tahun unjuran yang sama ialah 396.6 ribu orang, 644.5 ribu orang, dan 1010.0 ribu orang.


Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Dasar Warga Emas Negara mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

(Disesuaikandari *Perangkaan Wanita, Keluargadan Masyarakat 2014*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluargadan Masyarakat)

**MALAYSIA: BILANGAN WARGA EMAS MENGIKUT JANTINA DAN KUMPULAN UMUR DARI TAHUN 2000 HINGGA TAHUN 2040 (UNJURAN)**

Tahun Kumpulan Umur (tahun)	Bilangan warga emas (ribu orang)									
	Lelaki					Perempuan				
	2000	2010	2020 (unjuran)	2030 (unjuran)	2040 (unjuran)	2000	2010	2020 (unjuran)	2030 (unjuran)	2040 (unjuran)
60-74	546.9	887.9	1337.9	1795.1	2164.4	574.3	882.9	1369.6	1925.7	2338.5
75 ke atas	122.3	216.8	336.6	530.7	782.3	154.9	261.0	396.6	644.5	1010.0

(Sumber: Disesuaikan daripada *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2014*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)





6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan pendapatan dan agihan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dalam bajet bagi tahun yang dinyatakan.

Bagi tahun 2018, Kerajaan Persekutuan dianggarkan memperoleh pendapatan daripada pelbagai sumber cukai dan bukan cukai. Cukai pendapatan akan menjadi sumber pendapatan tertinggi. Komponen cukai pendapatan termasuklah cukai pendapatan individu, cukai syarikat dan cukai petroleum. Hasil daripada cukai pendapatan dalam Bajet 2018 dianggarkan sebanyak RM119 387 juta bersamaan 42.60% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Bajet 2018 yang dianggarkan bernilai RM280 250 juta.

Memandangkan pendapatan negara yang masih tidak cukup bagi menampung perbelanjaan dalam negara, Kerajaan Persekutuan dijangka terpaksa menggunkan sumber pinjaman sama ada dari dalam atau luar negara. Oleh itu bagi Bajet 2018, dianggarkan sumber pendapatan daripada pinjaman dan penggunaan aset kerajaan sebanyak 14.40% daripada bajet keseluruhan. Hasil kerajaan turut diperoleh daripada kutipan pelbagai cukai. Kutipan cukai tidak langsung dianggarkan sebanyak RM63 897 juta. Selebihnya disumbangkan oleh hasil bukan cukai dan cukai langsung lain yang menjadi sumber pendapatan ketiga terbesar dalam Bajet 2018.

Dari segi agihan perbelanjaan Kerajaan persekutuan pula, emolmen dianggarkan menjadi komponen perbelanjaan terbesar dengan peruntukan sebanyak RM79 031 juta. Sebahagian besar peruntukan emolmen akan digunakan untuk pembayaran gaji dan upah kakitangan awam. Bajet 2018, turut memperuntukkan sebanyak RM33 630 juta bagi perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan turut memperuntukkan perbelanjaan yang besar bagi bayaran khidmat hutang kepada pelbagai institusi kewangan. Sebanyak RM30 828 juta diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Dalam usaha kerajaan untuk membantu mengurangkan kesan akibat peningkatan kos sara hidup, pemberian subsidi terus disalurkan kepada rakyat. Dalam Bajet 2018, kerajaan dianggar memperuntukkan sebanyak RM26 624 juta bagi tujuan tersebut. Mengambil kira kepentingan pertumbuhan ekonomi negara pula, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak 9.20% bagi perkhidmatan ekonomi. Perkhidmatan sosial pula dianggarkan memperoleh peruntukan sebanyak RM12 051 juta. Bakinya diperuntukkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan lain.


(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, 2017)

MALAYSIA : PENDAPATAN DAN AGIHAN PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM BAJET BAGI TAHUN ANGGARAN 2018

Sumber utama	Pendapatan Kerajaan Persekutuan		
	Nilai Mutlak (RM juta)	Peratus	Sudut
Cukai pendapatan	119 387	42.60	153.36
Pinjaman dan penggunaan aset kerajaan	40 356	14.40	51.84
Cukai tidak langsung	63 897	22.80	82.08
Hasil bukan cukai dan cukai langsung lain	56 610	20.20	72.72
<b>JUMLAH</b>	<b>280 250</b>	<b>100.00</b>	<b>360.00</b>

Agihan utama	Agihan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan		
	Nilai Mutlak (RM juta)	Peratus	Tinggi (cm)
Emoluman	79 031	28.20	2.82
Bekalan dan perkhidmatan	33 630	12.00	1.20
Bayaran khidmat hutang	30 828	11.00	1.10
Subsidi	26 624	9.50	0.95
Perkhidmatan ekonomi	25 783	9.20	0.92
Perkhidmatan sosial	12 051	4.30	0.43
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	72 303	25.80	2.58
<b>JUMLAH</b>	<b>280 250</b>	<b>100.00</b>	<b>10</b>

(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, 2017)



**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN PENGAJIAN AM PENGGAL 2 STPM**

*Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu.*

**[Lihat sebelah**

**Bahagian C [25 markah]**

Jawab **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

7. Cabaran keempat Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Jelaskan rasional kerajaan bagi mencapai hasrat tersebut.

Bil	Idea	Huraian
1	Berleluasa gejala sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keruntuhan akhlak</li> <li>• Peningkatan kes jenayah menjejaskan keharmonian masyarakat.</li> <li>• Kehidupan anggota masyarakat terancam oleh berbagai jenayah yang berlaku di sekeliling mereka.</li> </ul>
2.	Integriti penjawat awam semakin terhakis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan sesebuah organisasi kerajaan telah terjejas.</li> <li>• Isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, penyelewengan walaupun dilakukan oleh segelintir individu penjawat awam.</li> <li>• Keadaan ini boleh merosakkan dan melumpuhkan perkembangan negara.</li> </ul>
3.	Masyarakat materialistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian terhadap seseorang itu biasanya dibuat melalui kebendaan.</li> <li>• Budaya bermewah-mewah amat digemari seperti berbelanja di tempat-tempat eksklusif dengan mempamerkan kad kredit di sana sini.</li> <li>• Manusia berlumba-lumba untuk mencari kesenangan hidup.</li> </ul>
4.	Masyarakat mementingkan diri / individualistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat hari ini cenderung untuk bersikap individualistik atau tidak mahu menjaga hal orang lain.</li> <li>• Peningkatan masalah moral disebabkan ketidakpedulian anggota masyarakat.</li> <li>• Sikap anggota masyarakat yang tidak ingin mengambil tahu tentang hal orang lain pasti akan menggalakkan gejala tidak bermoral dalam kalangan masyarakat.</li> </ul>
5.	Penularan budaya -ve	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewasa ini kebudayaan asing yang negatif sudah mendominasi segala aspek melalui media massa.</li> <li>• Banyak perubahan peradaban yang dilihat pada remaja atau belia kini.</li> <li>• Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja / generasi muda.</li> </ul>
6.	Peningkatan krisis kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasalahan dalam sistem kekeluargaan akan menjejaskan keharmonian negara.</li> <li>• Ibu bapa yang bermasalah sukar menunaikan tanggungjawab sebagai penjaga kepada anak-anak.</li> </ul>
7.	Kurang penghayatan agama / nilai murni	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai-nilai murni dan berakhlak semakin berkurang.</li> <li>• Krisis moral semakin membimbangkan</li> </ul>

Mana-mana 5 idea.

8. Pelbagai cabaran dihadapi oleh industri batik Malaysia. Industri ini semakin suram jika tiada usaha unruk mengembalikan kegemilangannya. Bincangkan.

Bil	Idea	Huraian
1.	Cabaran: Kos bahan mentah yang mahal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu diimport dari luar Negara seperti kain putih dan lilin dari Negara China dan pewarna dari Jerman</li> <li>• Bekalan diperolehi dari orang tengah</li> <li>• Rantaian penawaran berikesean kepada harga</li> <li>• Harga produk menjadi mahal</li> </ul>
2.	Kekurangan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Intensif buruh</li> <li>• Libatkan pelbagai peringkat seperti melakar corak, mewarna, menanggalkan lilin, membasuh, mengering sebelum siap sepenuhnya</li> <li>• Perlu pekerja yang mencukupi supaya tak jejas kualiti</li> <li>• Generasi muda kurang berminat</li> </ul>
3.	Persaingan dengan fabrik lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fabrik lain lebih murah dan dapat dikeluarkan dalam kuantiti yang banyak</li> <li>• Batik masih pentingkan ciri-ciri produk yang tulen dalam pengeluaran batik seperti batik lukis dan blok</li> </ul>
4.	Kos operasi yang semakin tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga bahan mentah yang semakin meningkat</li> <li>• Gaji pekerja yang semakin meningkat untuk mengelakkan mereka berhenti kerja</li> <li>• Kos untuk promosi- persaingan sengit dengan Negara luar seperti Indonesia</li> </ul>
6.	Usaha-usaha: Memperbanyakkan latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bimbingan, bengkel, kajian penggunaan kain, ketahanan warna, penggunaan computer</li> <li>• Menubuhkan Pusat Inovasi Batik di Kelantan</li> <li>• Mengadakan kajian dengan kerjasama Negara Indonesia</li> </ul>
7.	Meluaskan pasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilakukan oleh Kraftangan Malaysia, Karyaneka Malaysia</li> <li>• Promosi di kompleks membeli belah tumpuan pelancong asing terkemuka seperti Suria KLCC, Pavilion</li> <li>• Tempat tumpuan pelancong seperti Central Market, pameran di hotel-hotel</li> <li>• Melalui media sosial</li> <li>• Pertunjukan fesyen di luar Negara-Milan, Paris</li> </ul>
8.	Bantuan modal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan MARA dan agensi berkaitan</li> <li>• Berupa pinjaman wang, premis perniagaan untuk pengusaha batik</li> <li>• Kadar faedah yang berpatutan</li> </ul>
9.	Memperbanyakkan Akademi batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan akademik batik-pengkhususan bidang batik-biasiswa disertai</li> <li>• Didedahkan sejarah batik, rekaan batik, pemasaran, perkembangan kontemporari</li> <li>• Tunjuk ajar aspek teori, pemasaran</li> <li>• Tahun 2009-penubuhan pusat batik di Sekolah Seni, Kuching</li> </ul>
10.	Penggunaan diperbagaikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bukan sekadar baju kurung dan kemeja tetapi diperbagaikan seperti skaf batik, tali leher batik, sapu tangan</li> <li>• Menarik perhatian pereka fesyen dunia seperti Pierre Cardin, YSL</li> </ul>
11.	Melalui dasar kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian</li> <li>• Galakan</li> </ul>

Skema: 3+2 atau 2+3